

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM ALI  
Tajuk : UPACARA PERASMIAN KELAB GOLF PERKHIDMATAN AWAM (KGPA) DAN  
SETERUSNYA UPACARA PERASMIAN HARI KELUARGA PERKHIDMATAN AWAM  
Lokasi : BUKIT KIARA  
Tarikh : 19-09-1999

Y.A.B. Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed, Perdana Menteri Malaysia dan

Y.Bhg. Datin Seri, Tan Sri- Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri,

Datuk-Datuk, Datin-Datin dan seterusnya Tuan -tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Hari ini adalah hari yang amat bersejarah kepada KGPA.

Inilah pertama kali Kelab ini mengadakan hari keluarga bagi seluruh Perkhidmatan Awam dan pertama kali ia menerima lawatan dari Perdana Menteri. Oleh itu saya bagi pihak Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia dan semua anggota dan ahli keluarga Perkhidmatan Awam, ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Y.A.B. Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed, Perdana Menteri Malaysia di atas kesudian untuk hadir ke acara Hari Keluarga Perkhidmatan Awam dan seterusnya merasmikan Pembukaan Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia.

2. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada jabatan dan tiap-tiap anggota Perkhidmatan Awam termasuk Jawatankuasa-Jawatankuasa KGPA yang telah bekerja kuat bagi menjayakan Hari Keluarga dan majlis pada hari ini. Sesungguhnya Perkhidmatan Awam amat bertuah kerana mempunyai sebuah kelab golf dan rekreasi yang terletak di satu kawasan yang cukup strategik, cukup cantik dan berharga, dan boleh dikatakan di tengah-tengah ibu kota Kuala Lumpur. Perkhidmatan Awam tidak mungkin dapat mempunyai kelab yang megah ini tanpa keperihatinan dan sokongan Kerajaan terhadap kesejahteraan kita semua. Oleh itu marilah kita sama- sama tunjukkan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan kita yang diketuai oleh YAB Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dengan memberi tepukan paling gemuruh kepada Y.A.B.

3. Pada hari ini satu impian menjadi kenyataan. Dari segi sejarahnya, cadangan untuk membangun sebuah Kelab rekreasi dan padang golf untuk kemudahan anggota Perkhidmatan Awam beriadah, telah mula diperbincang di sekitar tahun 1970 lagi. Dalam usaha mewujudkan kelab seumpama ini, nama-nama seperti Tun Hussein Onn, Tun Ghaffar Baba, Tan Sri Abdullah bin Salleh, Tan Sri Sallehuddin bin Mohamed dan Tan Sri Ahmad Sarji bin Ahmad, sentiasa dalam kenangan kami. Kami berasa amat bangga kerana salah seorang tokoh Perkhidmatan Awam yang memainkan peranan penting dalam penubuhan Kelab ini, Tan Sri Abdullah Salleh, turut bersama dengan kita pada hari bersejarah ini. Mereka merupakan pemimpin dan penggerak awal dalam merealisasikan cita-cita dan impian supaya anggota Perkhidmatan Awam Malaysia memiliki satu tempat yang sesuai sebagai tempat beriadah. Sumbangan Kerajaan dalam menjayakan projek ini sangatlah besar dan bererti. Di samping menyediakan sebidang tanah yang mempunyai keluasan 270 ekar di Bukit Kiara, Kerajaan Malaysia telah menyediakan kewangan berjumlah RM 20 juta, RM 10 juta dalam bentuk geran dan bakinya dalam bentuk pinjaman.

4. Kini, Kelab Golf Perkhidmatan Awam telah dilengkapi dengan beberapa kemudahan untuk kegunaan dan dinikmati oleh ahli-ahlinya. Kelab Golf Perkhidmatan Awam mempunyai gelanggang golf 27 lubang. Selain daripada golf, disediakan juga kemudahan rekreasi lain seperti tenis, squash, gymnasium, di samping dewan makan, restoran, bilik mesyuarat, bilik karaoke, dan taman permainan untuk kanak-kanak.

5. Sukacita juga saya menyatakan bahawa kelab ini juga merancang untuk membina beberapa kemudahan lain seperti dewan badminton dan kolam renang untuk memenuhi selera dan hobi berbeza di kalangan ahli. Namun begitu, dalam keadaan sekarang keadaan kewangan Kelab masih belum

mengizinkan pembangunannya. Buat masa ini, Kelab ini masih menumpukan usaha ke arah kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan semula `fairways' yang sedia ada. Ahli-ahli Kelab Golf Perkhidmatan Awam harus juga ingat bahawa kadar yuran keahlian biasa kelab ini iaitu sekadar RM 4,000 seorang adalah rendah dan setakat ini, kita mempunyai 2000 ahli. Juga kita masih bertunggak hutang dengan Kerajaan sebanyak RM 10 juta, yang perlu dibayar mulai pada tahun ini, dan perlu diselesaikan dalam masa 10 tahun lagi. Insya-Allah Kelab Golf Perkhidmatan Awam akan terus berusaha untuk menambah kemudahan-kemudahan seperti yang diminta oleh ahli-ahli.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Untuk makluman YAB, Kelab Golf Perkhidmatan Awam telah juga membuat keputusan untuk membuka kemudahan-kemudahan yang sedia ada ini, kepada mereka yang tidak berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam. Selaras dengan dasar Pensyarikatan Malaysia (Malaysia Inc.), KGPA telah menjemput pemimpin-pemimpin dan pengurusan atasan daripada pihak swasta untuk juga menjadi ahli "korporat" dan bersama-sama menikmati kemudahan-kemudahan yang sedia ada. KGPA tidak lupa juga menjemput duta-duta besar dan pegawai-pegawai diplomat asing serta `expatriates' untuk menjadi ahli berjangka. Pihak pengurusan Kelab juga sangat prihatin kepada saranan Kerajaan agar sektor awam mempergiatkan lagi interaksi dan hubungan dengan sektor swasta dan ingin menjadikan Kelab ini sebagai salah satu medan untuk mencapai hasrat ini. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menarik pelancong dari dalam dan luar negeri, kemudahan bermain golf juga dibuka kepada semua pelawat dan pelancong dan package-package istimewa telah diperkenalkan, Alhamdulillah, package ini mendapat response yang cukup baik.

7. Pada hari ini, kita juga mengadakan Hari Keluarga Perkhidmatan Awam. Ia merupakan julung kali diadakan Hari Keluarga yang menggabungkan semua anggota Perkhidmatan Awam seluruh negara. Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan telah bekerjasama bagi menjayakan Hari Keluarga ini. Adalah diharapkan usaha-usaha ini akan merapatkan perhubungan dan silaturrahim antara anggota-anggota, serta keluarga mereka. Darinya kita berharap semangat kekitaan, tolong-menolong dan sokong-menyokong sebagai tenaga penggerak Kerajaan dapat diperkukuhkan selama-lamanya. Adalah menjadi hasrat KGPA untuk menjadualkan Hari Keluarga ini sebagai program tahunan Kelab dalam usaha mempelbagaikan lagi fungsi dan peranan Kelab di masa depan.

8. Kita juga bersyukur bahawa di negara Malaysia yang maju dan aman ini kita dapat peluang dan kemudahan bersuka-suka menikmati aktiviti-aktiviti riadah, sukan dan kemasyarakatan. Kita di dalam Perkhidmatan Awam, amat menghargai dan berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia yang telah sentiasa menunjukkan minat dan keprihatinan terhadap prestasi, kebajikan dan kesejahteraan hidup anggota-anggota serta ahli-ahli keluarga di dalam Perkhidmatan Awam. Anggota Perkhidmatan Awam akan dengan sesungguhnya berdiri teguh sebagai jentera Kerajaan untuk mencapai cita-cita negara dan Wawasan 2020 membina negara Malaysia yang maju dan terhormat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Untuk mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.A.B. Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed, Perdana Menteri Malaysia dan Y.A.Bhg. Datin Seri yang sudi hadir bersama-sama kita di majlis Hari Keluarga Perkhidmatan Awam dan seterusnya merasmikan Pembukaan Golf Perkhidmatan Awam Malaysia. Sekian, terima kasih.